

Disediakan untuk : _____

Tarikh dicetak pada: _____

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Sila baca lembaran pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli insurans Dandang dan Bejana Tekanan. Pastikan juga anda telah membaca terma-terma dan syarat-syarat am).

Penyedia Khidmat Kewangan : **Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad (“Kami”)**
Nama Produk : **Insurans Dandang dan Bejana Tekanan**

1. Apakah Produk ini?

Polisi ini menyediakan perlindungan bagi kerugian atau kerosakan pada dandang dan bejana tekanan anda yang disebabkan oleh dan semata-mata kerana letupan atau runtuh mana-mana dandang atau bejana tekanan yang dijelaskan dalam jadual ketika menjalankan kerjanya seperti biasa.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Polisi ini menyediakan perlindungan terhadap :

- Kerugian atau kerosakan (selain daripada oleh kebakaran) pada dandang atau bejana tekanan
- Kerosakan ke atas harta yang bukan kepunyaan Pihak Diinsuranskan
- Liabiliti pihak diinsuranskan di sisi undang-undang atas sebab kecederaan maut dan bukan maut ke atas sesiapa sahaja selain para pekerja atau petugas pihak diinsuranskan ataupun ahli keluarga pihak diinsuranskan.

Tempoh perlindungan ialah selama setahun. Anda dikehendaki memperbaharui polisi insurans anda setiap tahun.

3. Berapakah premium yang saya perlu bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar adalah berbeza bergantung kepada risiko pendedahan dan keperluan pengunderaitan pihak kami :

Jumlah diinsuranskan : RM _____
Kadar dikenakan : _____ %
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah : RM _____

4. Apakah yuran dan bayaran yang perlu saya bayar?

| Jenis | % / Amaun |
|---|------------------------|
| • Komisen yang dibayar kepada agen insurans | • 15% daripada Premium |
| • Setem Duti | • RM10.00 |
| • Cukai Perkhidmatan | • 8% daripada Premium |
| • Fi Lain-lain | |

5. Apakah terma dan syarat utama yang saya harus ketahui?

- Kepentingan pendedahan

- **Kontrak Insurans Bukan Pengguna**

Menurut Perenggan 4(1) Jadual 9 di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sekiranya anda memohon Insurans bagi tujuan berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan apa-apa perkara yang anda ketahui sebagai berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan dalam menentukan kadar dan terma yang hendak dipakai dan apa-apa perkara yang seorang yang munasabah dalam hal keadaan itu boleh dijangka untuk tahu sebagai berkaitan, jika sebaliknya ini boleh menyebabkan kontrak terbatal, penolakan atau pengurangan tuntutan, penukaran terma atau penamatan kontrak.

Kewajipan pendedahan ini bagi Kontrak Insurans Bukan Pengguna akan berterusan sehingga masa kontrak tersebut dibuat, diubah atau diperbaharui. **Anda juga mempunyai kewajipan memaklumkan kepada kami dengan segera sekiranya pada bila-bila masa, selepas kontrak insuran di buat, diubah atau diperbaharui dengan pihak kami, sebarang maklumat yang diberikan adalah tidak tepat atau telah berubah.**

- Anda mestilah memastikan jumlah yang telah diinsuranskan sentiasa berada di Nilai Penggantian Baru Alat Jentera. Ini termasuk nilai untuk barangan baru, cukai kastam, kos pengangkutan dan pemasangan.
- Sekiranya jumlah yang telah diinsuranskan kurang daripada jumlah yang diperlukan untuk diinsuranskan pada ketika kerugian (contohnya di bawah insurans), anda dianggap menanggung sendiri terhadap perbezaannya. Syarat purata akan diambil kira didalam kendalian tuntutan. Setiap perkara jika melebihi dari satu seharusnya tertakluk dengan syarat ini secara berasingan.
- Syarat sumbangan – sekiranya pada masa apa-apa tuntutan yang timbul terbit di bawah polisi ini terdapat mana-mana insurans yang serupa terhadap kehilangan, kerosakan dan liabiliti, maka kami tidak akan bertanggungjawab untuk membayar atau menyumbangkan lebih banyak daripada kadar sepatutnya bahagian keadaan mana-mana tuntutan ke atas kerosakan atau liabiliti.

6. Apakah pengecualian utama dibawah polisi ini?

Polisi ini tidak melindungi kerugian seperti :

- Kecacatan kerana kehausan habis dan kelusuhan bahan-bahan dandang dan bejana tekanan atas sebab kebocoran, kakisan, kepatahan, kegagalan sambungan, kebonjolan dan perubahan bentuk sebab tiub-tiub yang terlampau panas (melainkan jika kecacatan tersebut mengakibatkan letupan atau keruntuhan)
- Kegagalan setiap tiub di dalam dandang melainkan mengakibatkan letupan atau keruntuhan
- Kerosakan ke atas harta kepunyaan Pihak Diinsuranskan yang disebabkan oleh kebakaran yang berpunca daripada letupan dan keruntuhan
- Perlakuan sengaja atau kecuaiian sengaja
- Kerugian yang dialami sebab pemberhentian kerja
- Kerugian/kerosakan oleh taufan, hurikan, letusan gunung berapi, gempa bumi atau konvulsi semulajadi yang lain
- Peperangan dan keganasan

Nota: Senarai ini bukannya senarai yang lengkap. Sila rujuk kepada kontrak polisi untuk senarai penuh bagi pengecualian bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya batalkan polisi ini?

Anda boleh membatalkan polisi ini dengan memberi notis bertulis kepada pihak kami. Selepas pembatalan, anda layak mendapat pemulangan premium ditolak premium pada kadar tempoh singkat bagi tempoh polisi yang telah berkuatkuasa, tertakluk kepada premium minima yang ditahan oleh pihak kami.

8. Apakah yang harus saya lakukan jika terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan pihak kami tentang sebarang perubahan mengenai maklumat anda bagi memastikan semua surat-menyurat dapat disampaikan kepada anda tepat pada masanya.

9. Dari manakah boleh saya dapatkan informasi yang lebih terperinci?

Seciranya anda memerlukan informasi tambahan mengenai produk insurans dandang dan bejana tekanan ini atau mana-mana jenis produk insurans yang pihak kami sediakan, sila hubungi kami atau mana-mana cawangan kami atau dapatkan satu salinan daripada pengantara insurans anda atau layari laman web kami di www.allianz.com.my

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Pusat Khidmat Pelanggan Allianz

Allianz Arena
Ground Floor, Block 2A, Plaza Sentral
Jalan Stesen Sentral 5, Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur.
Allianz Contact Center: 1 300 22 5542
Email: customer.service@allianz.com.my
📍 @AllianzMalaysia
🌐 allianz.com.my

10. Lain-lain jenis perlindungan insurans serupa yang disediakan

Tiada

NOTA PENTING :

ANDA HARUS MEMASTIKAN HARTA ANDA DIINSURANSKAN PADA AMAUN YANG BERPATUTAN. ANDA HENDAKLAH MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN PENGANTARA INSURANS AND ATAU HUBUNGI TERUS KAMI UNTUK KETERANGAN LANJUT.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM atau hubungi Allianz General Insurance Company (Malaysia) Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

Informasi yang disediakan dalam lembaran pendedahan ini adalah sah pada 01//06/2024.